

Cuma jaguh di tempat sendiri?

15 MAR 1990

ANALISIS

PESTA Sukan Merdeka Brunei kedua berakhir kelmarin banyak meninggalkan kesan kepada kontinjen negara untuk penilaian semula.

8. Harian (M)

Tugas ini bukan tanggungjawab Majlis Sukan Negara (MSN) sepenuhnya tetapi pertubuhan sukan kebangsaan yang terbahit. Kegagalan mengatasi pencapaian pesta pertama lima tahun lalu, sepatutnya membuka mata pertubuhan sukan kebangsaan untuk lebih bersemangat pada pesta akan datang.

Pada pesta pertama, pasukan negara meraih 11 emas dan kontinjen kali ini hanya berupaya menyamainya. Sememangnya jika ada yang bercakap Malaysia cuma layak menjadi jaguh di gelanggang sendiri, barangkali benar berdasarkan prestasi Sukan SEA XV.

Soalnya, pertubuhan sukan kebangsaan perlu memikirkan bagaimana Indonesia berupaya meneruskan penguasaan dalam sebarang temasya rantau ini. Ini dibuktikan dalam temasya dua minggu itu.

Di Brunei, tidak keterlaluan jika silat dipersalahkan kerana

sekadar dua emas daripada lima belas emas yang dipertaruhkan.

(S.M.C. N.L.M.)
Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) selaku badan induk perlu peka dengan kekalahan itu. Karate-do pula, empat emas tidak menggambarkan pencapaian cacat berbanding tujuh emas yang dimenangi di Sukan SEA lalu.

Ketua Kontinjen Malaysia, Mazlan Ahmad, mengakui silat mempunyai banyak kelemahan yang perlu diperbaiki. Katanya, silat boleh menjadi penyumbang pingat emas terbesar terutama di Sukan SEA, Manila tahun depan jika mereka bersikap lebih terbuka.

Sepaktakraw memenangi dua emas bukanlah kejayaan terbesar. Ini kerana Thailand hanya menghantar pasukan kedua. Bagaimanapun, kejayaan itu boleh dijadikan sebagai pendorong untuk bangkit semula.

Keseluruhannya, persembahan enam pasukan lain kecuali silat, masing-masing mempamerkan keberkesanan yang baik termasuk skuad Projek Barcelona '92 yang menjadi juara bersama dengan Thailand.